

Kastam rampas bunga ganja RM62.5j

Serbuan di rumah
teres temui 17
kotak, bungkusan
berisi helaian
tumbuhan
terlarang 638kg

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Nilai: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 638 kilogram (kg) bunga ganja bernilai RM62.5 juta dalam serbuan rumah teres di Seri Kembangan, Selangor, yang dijadikan tempat pembungkusan sindiket pengedaran dadah.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/ Pematuhan), Siti Mang, berkata rampasan berkenaan adalah yang terbesar tahun ini membabitkan bunga ganja.

"Bertindak atas maklumat, pada jam 3.50 petang 2 Disember lalu, sepasukan anggota Cawangan Narkotik Ibu Pejabat JKDM



Siti menunjukkan rampasan bunga ganja pada sidang media di Nilai, semalam.

(Foto BERNAMA)

membuat serbuan ke atas sebuah rumah teres dua tingkat di Seri Kembangan.

"Dalam serbuan pasukan menemui 17 kotak parcel serta sejumlah bungkusan aluminium

foil. Hasil pemeriksaan semua kotak dan bungkusan aluminium foil didapati mengandungi leraian tumbuhan berwarna hijau.

"Bahan ini disyaki dadah berbahaya jenis bunga ganja dengan

anggaran berat kasar 638kg dengan nilai dianggarkan RM62.5 juta," katanya pada sidang media semalam.

Mengulas mengenai modus operandi, Siti berkata, rumah diserbu

disyaki dijadikan tempat pembungkusan bunga ganja oleh sindiket yang memasukkan bahan itu ke dalam kotak cadar bagi mengelak dikesan pihak berkuasa.

"Berdasarkan keterangan pada bungkusan kotak, dagangan dinyatakan sebagai cadar mikrofiber. Semua bungkusan ini dipercayai untuk dihantar ke luar negara," katanya.

Matras bungkusan bunga ganja

Beliau berkata, siasatan mendapati rumah berkenaan disewa sejak September lalu yang dijadikan sebagai matras membungkus bunga ganja yang dipercayai diseludup masuk dari negara jiran.

"Ketika serbuan dijalankan, tiada suspek berada di lokasi. Kami turut merampas mesin pembungkusan kedap udara dan sebuah motosikal," katanya.

Beliau berkata, kes itu disiasat mengikut Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Justeru, orang ramai digesa membantu pihak JKDM untuk memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mencuri, dadah, kenederan dan lain-lain," katanya.